

Persepsi dan Motivasi Khalayak untuk Membaca Karya Sastera dalam Akhbar Bercetak

Muhamad Aniq Bin Azlan
Mohd Syuhaidi Abu Bakar*
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

*Emel perhubungan: syuhaidi@uitm.edu.my

Abstrak

Sastera merupakan karya yang berunsur kreatif dan mempunyai nilai estetika yang tinggi. Memahami sastera memerlukan semangat pembacaan yang kerap kerana karya sastera mempunyai pelbagai makna tersurat dan tersirat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa tanggapan bahawa karya sastera pada masa kini sudah berkurang disebabkan oleh beberapa isu dan tahap pembacaan sastera juga semakin menurun. Kajian ini bertujuan untuk memahami persepsi dan motivasi khalayak untuk membaca karya sastera dalam media cetak. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual kualitatif melibatkan 14 informan. Hasil kajian ini mendapati bahawa karya sastera semakin diketepikan pada mata masyarakat kerana media cetak kurang menerbitkan bahan-bahan sastera. Hasil kajian ini juga mendapati khalayak mempunyai motivasi yang tinggi untuk membaca ruangan sastera dalam media cetak.

Kata Kunci: *Sastera, Media Cetak, Motivasi, Membaca*

Perception and Audience Motivation to Read Literature Section in the Print

Abstract

Literature is a creative work with high aesthetic value. Understanding literature requires frequent and deep reading because generally the best literary work has layered messages with various meanings to be interpreted. However, nowadays there are some assumptions that the literary work is in a state of decline due to several issues. Besides this, the level of literature reading is also deteriorating. This study focuses to understand audience perceptions and motivation to indulge in literature pieces in the print. It used a qualitative method of interviewing 14 informants. The results of this study found that audience perceived that people no longer read literary works as the print has cut down the publication of such material. This study also found that audience were highly motivated to read the literature in print.

Keywords: *Literature, Print, Motivation, Reading.*

Pengenalan

Sastera adalah sebahagian bidang seni yang kreatif yang tersendiri kerana medium pengantarnya adalah bahasa. Sastera berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu "castera". Sastera membawa maksud yang khusus iaitu indah, baik, dan lebih berfaedah. Sastera bermula dari tradisi lisan dan semakin berkembang mengikut kemajuan zaman. Kesusasteraan adalah kumpulan buku-buku yang indah bahasanya dan baik isinya. Ia juga bermaksud segala penghasilan sastera yang dinikmati atau disampaikan, baik melalui tulisan dan pembacaan mahupun melalui lisan dan pendengaran (Harun Mat Piah et al.; 2006: 6).

Menurut Estem (1988), sastera atau kesusasteraan adalah pengungkapan daripada fakta artistik dan imaginatif sebagai manifestasi kehidupan manusia (dan masyarakat) melalui bahasa sebagai medium dan memiliki kesan yang positif terhadap kehidupan manusia (kemanusiaan).

Seterusnya Naffi (2006) menyatakan bahawa sastra adalah suatu bentuk dan hasil pekerjaan seni kreatif yang objeknya adalah manusia dan kehidupannya menggunakan bahasa sebagai mediumnya. Hal ini dapat menjelaskan bahawa sastra adalah sesuatu yang mempunyai seni dan nilai estetika yang tinggi yang mampu menghidupkan daya imaginasi kepada pembaca. Menurut Mansor (2016), sastra dapat menghidupkan daya imaginasi pembaca, meneroka masa depan yang lebih mencabar, menghidupkan semangat patriotik dan cinta negara serta mendidik serta memberi inspirasi moral serta nilai-nilai murni kepada khalayak.

Sebenarnya, sastra mampu membina dan menambah pertumbuhan kreativiti pembaca dengan lebih pesat kerana sastra bukan sekadar bauran prosa, malah sastra juga merujuk kepada buku-buku yang mempunyai input atau intipati pemikiran di luar kotak; teks sastra itu mempunyai makna dan nilai, bukannya kosong. Sebagai contoh karya Sasterawan Negara, Datuk A. Samad Said, *Di Hadapan Pulau* yang diterbitkan pada tahun 1978 mengisahkan tentang penghuni di sebuah kampung persisiran pantai ketika menjelang Perang Dunia Kedua dan pada peringkat awal perang sekitar tahun 1940-an.

Melalui penulisan sebegini, pembaca dapat merasakan keperitan dan kesusahan yang dihadapi oleh penduduk zaman dahulu dan akan membuka minda pembaca untuk mentafsir cerita itu secara imaginasi. Bagi mendapatkan pemahaman yang lebih baik dalam membaca bahan bacaan sastra, individu itu haruslah membaca dengan lebih kerap lagi serta mengikuti perkembangan sastra dari masa ke semasa. Hal ini demikian kerana, untuk memahami karya sastra memerlukan pembacaan, penghayatan dan kesungguhan untuk mendapatkan maksud struktur ayat yang disampaikan melalui ayat yang tersurat dan tersirat itu.

Selain daripada buku, karya sastra juga diterbitkan dalam medium bercetak lain seperti akhbar dan majalah. Di Malaysia, akhbar berbahasa Melayu seperti *Berita Minggu* dan *Mingguan Malaysia* memperuntukkan ruang untuk karya sastra. Malahan karya sastra yang diterbitkan dalam *Mingguan Malaysia* (sewaktu ianya masih diterbitkan) layak

untuk dipertandingkan dalam *Hadiah Sastera Utusan* yang menjadi platform pemilihan novel, cerpen dan puisi yang diterbitkan dalam akhbar dan majalah kumpulan *Utusan*. Akhbar vernakular lain seperti akhbar Tamil dan Cina turut mempunyai lembaran karya sastera untuk tatapan khalayaknya. Dengan perkembangan teknologi komunikasi yang canggih, karya sastera sekarang telah diterbitkan di pelbagai platform dalam talian seperti blog dan laman sosial. Perkembangan ini semestinya memberi kesan kepada ruangan sastera dalam akhbar konvensional. Namun, makalah ini akan menumpukan kepada persepsi dan meninjau motivasi pembaca untuk membaca karya sastera berkenaan.

Secara umum, membaca adalah perkara yang senang dilakukan tetapi berdepan cabaran untuk menjadikannya suatu budaya. Oleh itu, kempen membaca telah dianjurkan sejak sekian lamanya tetapi kita masih tetap tidak mendapat jawapan yang memuaskan terhadap persoalan budaya membaca rakyat Malaysia. Menurut Hamzah (2018), jumlah penerbitan buku pada tahun 2017 sebanyak 17,213 judul. Ini bermakna terbitan 2017 turun sebanyak 2,379 judul berbanding 19,592 judul pada 2016.

Permasalahan Kajian

Secara amnya, media cetak seperti akhbar kurang memberi tempat kepada bahan-bahan bercorak sastera. Sebuah artikel ada menyatakan bahawa antara faktor utama sastera Malaysia tidak dapat melangkah jauh adalah kerana tidak ada usaha yang menyeluruh daripada pelbagai pihak untuk memartabatkan sastera. Ianya akan menjadi semakin parah ekoran sistem pendidikan kebangsaan tidak mengasuh para pendidik dan para pengkritik sastera secara tetap serta menyeluruh (Bakar, 2010). Berdasarkan kenyataan itu, karya sastera berkualiti didapati kurang mendapat tempat dalam kalangan pembaca, tambahan pula media cetak semakin kurang menerbitkan bahan-bahan yang berunsurkan sastera.

Akhbar-akhbar tempatan sepatutnya mula mengekalkan satu slot harian khas untuk mempamerkan karya penulis dalam negara dengan mengambil pemikiran-pemikiran sasterawan yang lebih matang. Sasterawan Negara, Prof. Dr. Siti Zainon Ismail berkata, pihak berkaitan di negara ini termasuklah akhbar masih lemah dari sudut mempromosi

dan memperkenalkan karya sastra kepada khalayak umum bagi “merencanakan semula kelesuan dunia sastra yang kian terasa.” Jelasnya, kecanggihan teknologi terkini dan kemajuan internet telah mempengaruhi trend maklumat di hujung jari yang menyebabkan lebih ramai selesa melayari karya sastra daripada membacanya di dada akhbar atau buku (Siti Nur Zawani, 2019).

Selain itu juga, karya sastra kurang diterbitkan dalam media cetak kerana terdapat juga konflik antara penulis dan editor. Hal ini berlaku disebabkan oleh editor tidak memberitahu kepada penulis bahawa karya mereka disiarkan ataupun tidak. Di samping itu juga, ada juga penulis yang menghantar karya secara semborono, iaitu menghantar berbelas belas sajak siap dijilid bagaikan manuskrip novel. Apabila diteliti, ada diantara karya itu sudah diterbitkan dalam beberapa media cetak lima atau sepuluh tahun yang lalu (Endun, 2008).

Walau bagaimanapun, subjek sastra kurang dipaparkan dalam media cetak disebabkan oleh penerimaan masyarakat itu sendiri terhadap sastra juga sudah berkurang seolah-olah sastra itu ketinggalan zaman dan tidak perlu dalam kehidupan seharian. Ada dalam kalangan masyarakat pula menganggap peminat atau penggiat sastra adalah golongan yang ketinggalan dan suka berkhayal. Mereka juga menganggap teks sastra hanya dipenuhi oleh gaya bahasa berbunga tanpa fungsi yang jelas. Sejujurnya masalah ini timbul disebabkan oleh mereka merasakan sastra itu hanyalah rekaan semata-mata sedangkan ayat-ayat yang diolah sebenarnya mempunyai makna dan intipati yang mendalam. Pemikiran sebegini akan menjejaskan budaya yang ada di negara kita (Saad, 2018). Justeru, kajian ini dijalankan adalah untuk membuktikan bahawa sastra seharusnya dipelihara dan jika ada karya yang bermutu maka ianya perlu diangkat kerana sastra merupakan sebuah lambang seni kehalusan masyarakat. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada persepsi khalayak terhadap pengurangan ruangan sastra dalam media cetak dan mengkaji motivasi pembaca untuk terus membaca ruangan sastra dalam akhbar.

Tinjauan Literatur

Minat Membaca Karya Sastra dalam Khalayak Tempatan

Secara amnya, golongan remaja kurang membaca karya-karya sastra bermutu tinggi tetapi lebih menggemari ruangan gosip dan hiburan dalam akhbar sedangkan ianya sekadar pengetahuan yang kosong, tidak mampu meningkatkan daya pemikiran atau kreativiti kepada golongan muda. Rahman (2018) berkata, berdasarkan hasil kajian tinjauan yang dilakukan ke atas pelajar sekolah dan universiti awam, beliau mendapati golongan ini lebih banyak membaca kandungan dalam blog, dan melayari media sosial seperti Facebook.

Rahman juga menyatakan hampir 90 peratus para pelajar hanya membaca bahan hiburan, gosip, cerita mistik atau kontroversi manakala bahan ilmiah hanyalah berkisar kepada nota kuliah dan buku-buku pelajaran sahaja. Tabiat untuk membaca sepanjang hayat boleh diajar melalui tabiat membawa buku, menyediakan senarai buku yang akan dibaca serta mengurangkan masa menonton televisyen dan melayari internet. Kegiatan sedemikian itu perlu ditukar kepada membacakan buku kepada anak-anak dan menjadikan masa membaca sebagai masa kegemaran buat mereka. Ridhwan (2014) mempersoalkan kecenderungan generasi Y yang hanya menyelak lembaran buku, akhbar atau majalah tanpa membacanya.

Generasi Y ini secara tidak langsung dibawa ke masa lampau untuk memasuki budaya cetak hanya dalam situasi yang formal, umpamanya membaca buku teks sekolah atau situasi kurang formal seperti membaca novel-novel remaja kegemaran mereka. Kenyataan ini menunjukkan bahawa media cetak sudah dilupai dan ditinggalkan oleh golongan muda pada hari ini. Karya-karya atau cerita yang berunsurkan sastra ini sebenarnya mampu melahirkan daya pemikiran dan sifat yang halus dalam diri mereka. Tambahan pula, penulis pada hari ini mempunyai penyakit dalam karya sastra. Menurut Ahmad (1994), penyair Indonesia terkenal, Bachri (1983) pernah menulis tentang penyakit dalam karya kesusasteraan tetapi beliau hanya menyebut lima atau enam sahaja. Penyakit yang paling menonjol dalam sebuah karya ialah karya itu mempunyai terlalu banyak idea. Karya sastra bukan buku falsafah, buku sejarah mahupun kamus.

Idea boleh bercabang dan beranting dan berbuah tetapi ia seharusnya berasal daripada sumbernya dari tunjang dan akar yang sama supaya idea itu tidak tertebat dalam bentuk yang tidak relevan dengan sumber asal. Disebabkan hal demikian, karya-karya tidak akan terpilih untuk memenuhi ruang media cetak kerana lambakan idea yang terlalu melarat akan menjadikan editor menolak dan pihak penerbitan media cetak tidak dapat menerbitkan mana-mana karya sastra di dalam media cetak. Menurut Mansor (2015), purata bacaan untuk mahasiswa hanya empat buku setahun. Jumlah ini jauh ketinggalan jika ingin dibandingkan dengan negara-negara seperti Australia dengan 180 buku, Indonesia (94), India (130), Thailand (56) dan Brunei (26) buku. Beliau sengaja menjadikan mahasiswa sebagai contoh kerana mereka adalah golongan yang sepatutnya paling banyak membaca di sesebuah negara. Malangnya ia tidak berlaku di Malaysia.

Statistik membaca bagi golongan lain di negara ini adalah 8 hingga 12 buku setahun, satu jumlah yang masih sedikit jika ingin dibandingkan dengan negara-negara lain. Menurut laporan UNESCO Institute for Statistics (UIS), kadar literasi dalam kalangan rakyat berumur 15 tahun ke atas di Malaysia adalah sebanyak 94.6 peratus (Bernama, 9 Mei 2017). Hal ini tidak diterjemahkan dalam minat membaca karya sastra di kalangan rakyat walaupun secara purata setiap rakyat membaca 15 hingga 20 buah buku setahun.

Selain itu, sastra tidak mendapat keutamaan dalam pemilihan kursus ke universiti. Menurut Saludin (2009), sastra dikatakan tiada nilai untuk ke institut pengajian tinggi (IPT) menunjukkan pelbagai pihak mempertikaikan fungsi sastra itu dalam masyarakat, malah tindakan pihak Kementerian Pendidikan yang seakan-akan menganaktirikan sastra di sekolah dan IPT juga menjadi pemangkin kepada persoalan ini. Jika karya sastra di anak tirikan, sudah pastinya karya sastra tidak ada di mata rakyat Malaysia sedangkan sastra merupakan salah satu lambang yang menjadi tonggak kepada bangsa melayu. Permintaan untuk menghasilkan karya sastra juga akan berkurang kerana tiada pendedahan mengenai sastra.

Membaca Karya Sastra: Faedah dan Kaedah

Tahap ilmu manusia merupakan salah satu aras penanda dalam kehidupan manusia yang menjadi persaingan dengan anggota masyarakat yang lain. Tahap ilmu kebiasaannya dikaitkan dengan aktiviti pembacaan yang mampu meningkatkan tahap ilmu dalam pelbagai lapangan ilmu. Dengan membaca, manusia mampu untuk meningkatkan ilmu dan menjadikan seseorang itu lebih tajam akal pemikirannya serta akan memberikan kesedaran kepada kita kebesaran alam pencipta dalam segenap lorong kehidupan kita.

Menurut Haris dan Sipay (1982), membaca merupakan salah satu proses untuk mentafsir lambang-lambang yang bercetak atau bertulis. Seseorang itu dapat memahami apa sahaja bahan bacaannya apabila berlaku interaksi antara lambang-lambang yang dibaca, kebolehan berbahasa dan pengetahuannya tentang keadaan sekeliling. Kennedy (1981) berkata, proses membaca merupakan salah satu keupayaan seseorang untuk memahami bentuk visual (lambang-lambang grafik yang mewakili bahasa atau perkataan, menghubungkan bentuk itu dengan bunyi atau makna yang telah diketahui dan mentafsirkan maksudnya).

Menurut Said (1998), membaca merupakan asas pembentukan diri ke arah mendapatkan ilmu pengetahuan. Baharom (2005) pula menyatakan membaca adalah menghayati isi sesuatu yang bertulis atau bercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya. Melalui amalan membaca juga, individu dapat memanfaatkan dirinya kepada orang lain iaitu menjadikan sumber rujukan kepada dirinya atau orang lain. Sastra merupakan salah satu karya yang bersifat tinggi bahasanya. Bagi memahami ilmu sastra sudah pastinya memerlukan tahap pembacaan yang tinggi dan juga kosa kata yang pelbagai untuk memahami konten atau isi yang ada dalam sesebuah karya tersebut.

Ilmu sastra adalah salah satu ilmu yang memerlukan sifat pembacaan yang serius untuk memahami setiap bait-bait perkataan yang dilontarkan melalui lisan atau penulisan. Membaca dan mempelajari karya sastra akan memberi gambaran yang jelas tentang segala apa yang difikirkan, dirasakan dan dialami. Sastra yang baik mampu melahirkan budi pekerti yang halus dan memancarkan kepercayaan kepada agama dengan

tergilapnya sifat-sifat amanah, jujur, ikhlas, kasih sayang, simpati dan bertimbang rasa. Selain itu, sastra bukan sahaja karya atau ilmu yang memberi manfaat kepada penulis atau pengkarya sastra sahaja, malah sastra juga mampu memberi sumbangan kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana, sastra ini suatu bersifat mendidik iaitu memberi ilmu kepada masyarakat.

Bagi memupuk motivasi minat membaca dalam karya sastra, maka perkara ini perlu diterapkan di dalam bidang pendidikan. Hal ini demikian kerana, pendidikan merupakan asas atau akar umbi yang akan melahirkan rasa minat dan cinta akan membaca. Guru-guru merupakan peranan utama dalam menyampaikan ilmu. Guru-guru mestilah mempunyai bakat yang kreatif agar pembelajaran itu menjadi suatu yang menyeronokkan. Hal ini merupakan salah satu inisiatif untuk memupuk minat membaca. Menurut Saludin (2009), sastra merupakan salah satu bidang ilmu yang mampu memberi sumbangan yang besar dalam dunia pendidikan. Sastra juga mampu memberi kefahaman serta menyebarkan nilai-nilai yang positif yang mungkin tidak dapat diperolehi hasilnya dengan mudah.

Sastra juga merupakan nadi ilmu yang mampu membentuk jiwa yang kreatif. Ia bukan sahaja mendidik pelajar di sekolah, malah mampu mendidik masyarakat yang telah lepas daripada alam persekolahan. Sebagai contoh, buku komponen sastra (KOMSAS) yang menjadi mata pelajaran wajib kepada pelajar tingkatan 1 hingga 3 memperlihatkan bahawa di mana KOMSAS ini mempunyai banyak cerita pendek (cerpen), puisi, sajak, pantun dan prosa tradisional. Subjek ini memberi gambaran yang jelas kepada para pelajar mengenai sastra dan secara tidak langsung akan mengajar mereka menjadi seorang yang lebih kreatif dan sopan tutur katanya. Dalam buku yang sama berkata, ketika mengajar di dalam kelas, terdapat guru sastra yang ditanya oleh pelajar bagaimana bersyair, bergurindam, berlakon, deklamasi sajak.

Guru sastra hanya mampu memberi penjelasan kepada pelajarnya hanya menggunakan teori, sebaliknya guru-guru perlulah menunjukkan gaya atau lenggok sesuatu karya itu. Secara tidak langsung, suasana kelas juga akan menjadi lebih ceria dan tidak hambar. Pearson dan Johnson (1978) berkata, guru, rakan sebaya dan suasana sebuah

bilik darjah mampu mempengaruhi minat membaca dan meningkatkan kefahaman murid. Jika di rumah ibu bapa adalah akar umbinya, maka di sekolah sudah tentulah guru sebagai tulang belakang para pelajar. Guru juga perlu menanamkan sikap membaca dalam diri para pelajar dengan menyediakan bahan bacaan yang menarik untuk dipelajari.

Guru juga boleh memanipulasikan minda mereka dengan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Mungkin guru-guru boleh berteka-teki dan jawapannya ada di dalam buku. Hal ini akan mejadikan suasana seronok dan menaikkan semangat dan minat untuk membaca. Selain itu, Suminto (1994) berkata, tugas guru yang paling penting adalah sebagai penyampai, fasilitator dan moderator. Beliau menggariskan bahawa guru yang pakar perlu memenuhi beberapa syarat. Antaranya ialah, betul-betul memahami hakikat dan tujuan pengajaran termasuklah mampu dan tampil mengapresiasi atau melakonkan kembali bahan yang telah dibaca. Dengan sifat kreativiti guru-guru akan melahirkan semangat anak-anak muda untuk mendalami dan meneroka dunia pembacaan. Penggunaan ayat yang berbunga-bunga pasti akan menarik lagi perhatian dan perasaan ingin tahu disebalik kiasan ayat tersebut akan melahirkan sifat membaca.

Pendekatan yang lebih menarik atau yang lebih berkesan untuk meningkatkan motivasi membaca adalah menggunakan strategi metakognitif. Strategi ini dikupas oleh Othman (2008), terdapat beberapa kaedah iaitu mengulang bacaan. Kaedah atau strategi pengulangan ini adalah dilakukan untuk tujuan memahami sesuatu teks atau kandungan bahan bacaan dengan lebih jelas dan teknik ini kebiasaanya memfokuskan kepada pelajar universiti. Struktur ayat yang sukar difahami lalu menggunakan teknik pengulangan akan dapat memberi kefahaman yang lebih jitu kepada pembaca tetapi untuk mengaplikasikan kaedah ini memerlukan semangat yang tinggi. Dalam hal ini Yahya (2008) berkata, kekuatan pemahaman dianalisis sejauh manakah individu itu berjaya mengawal pemahaman pembacaanya dalam menguasai maklumat.

Selain itu, teknik ini juga menggalakkan pembaca untuk menggunakan alat bantuan belajar seperti kamus. Dengan kata lain, alat bantuan ini mampu memberi lebih kefahaman untuk setiap konten ayat yang terdapat

dalam sebuah ayat. Kenyataan ini juga disokong oleh Ormrod (1995), jika bertemu dengan perkataan atau konteks yang sukar difahami, individu itu perlulah memahami tetapi akan mengambil masa yang agak lama untuk memahami perkataan tersebut. Pembaca seharusnya tahu maksud setiap perkataan yang dibaca atau jika masih tidak memahami boleh langkakan sahaja. Menurut Marzuki (2007), untuk menaikkan semangat membaca, ia mempunyai beberapa kaedah yang berkesan yang dapat diaplikasikan kepada pelajar iaitu membaca sambil bersuara, membaca sambil mencatat, membaca sambil berbincang dan beberapa kaedah yang lain lagi.

Membaca sambil bersuara atau lebih dikenali sebagai bacaan mekanis, bacaan ini sesuai untuk golongan atau kalangan pelajar sekolah rendah terutamanya, kerana pelajar sekolah rendah yang berumur tujuh hingga sembilan tahun memerlukan kaedah pembacaan atau teknik yang jelas dan lancar. Penggunaan teknik yang sesuai mampu memberi kefahaman dan semangat jiwa untuk membaca. Bacaan mekanis berlawanan pula dengan bacaan mentalis, bacaan mentalis ini merupakan bacaan secara senyap atau dengan lebih jelas lintasan melalui hati. Kebiasaannya bacaan mentalis lebih laju daripada bacaan mekanis, hal ini demikian kerana bacaan mentalis ini membaca melalui hati atau fikiran. Teknik ini hanya boleh digunakan untuk individu yang sudah mahir dalam pembacaan. Seterusnya teknik membaca sambil mencatat. Para guru boleh mengajarkan teknik ini kepada para pelajar tetapi harus menjelaskan secara tepat kaedah ini, jika para pelajar gagal untuk memahami maka teknik ini tidak akan berkesan. Seterusnya, teknik membaca sambil berbincang.

Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang baik di mana pelajar akan belajar untuk bekerjasama dalam menyiapkan tugas atau kerja yang diberikan oleh guru. Menerusi kaedah ini, para pelajar tidak akan menampakkan tekanan dan bebanan di antara satu sama lain.

Kaedah ini juga akan memudahkan para pelajar mengenalpasti setiap masalah yang dihadapinya serta meningkatkan lagi semangat untuk mereka membaca buku berbanding membaca bersendirian di rumah atau disekolah. Disamping itu juga, motivasi untuk membaca juga

mempengaruhi melalui sifat psikologi. Syah (2001) berkata, psikologi adalah ilmu pengetahuan yang untuk mempelajari cara tingkah laku secara terbuka dan tertutup pada manusia samada individu ataupun secara berkumpulan, dalam hubungannya dengan lingkungan. Tingkah laku terbuka adalah tingkah laku yang meliputi perbuatan seperti bercakap, duduk, berjalan dan sebagainya, sedangkan tingkah laku tertutup pula meliputi aspek berfikir, berkeyakinan, berperasaan dan sebagainya. Yusoff (1999) berkata, terdapat beberapa cara untuk memotivasikan minat membaca iaitu menunjukkan kepentingan membaca dengan menjadikan membaca sebagai kegiatan harian. Kedua menyediakan seberapa banyak bahan bacaan seperti buku, akhbar, majalah kepada mereka. Ketiga, menggalakkan mereka bercerita kembali bahan bacaan yang telah dibaca.

Secara ringkasnya, faktor kebolehan membaca juga merupakan faktor utama yang ada pada bahan bacaan. Bahan bacaan yang menarik warnanya, jenis tulisan salah satu tarikan minat membaca. Yusoff (1999) berkata, antara faktor memotivasikan membaca ialah penggunaan bahan grafik. Penggunaan bahan grafik seperti gambar, graf, jadual dapat membantu meningkatkan minat membaca dalam media cetak. Karya sastera juga boleh menambah visual untuk meningkatkan minat membaca dan yang paling penting mesej atau konten yang dibaca akan lebih jelas dan mudah difahami. Tetapi setiap susunan grafik itu mestilah relevan atau logik berdasarkan mesej yang utarakan dalam setiap penulisan agar pembaca dapat memahami kesatuan atau pertalian antara grafik dan mesej.

Seterusnya, untuk meningkatkan daya minat untuk membaca adalah menggunakan kaedah peta minda. Kaedah ini sering kali digunakan untuk meningkatkan daya kefahaman dengan lebih jelas. Penggunaan peta minda disertai dengan warna serta butiran-butiran info yang ringkas mampu meningkatkan daya kefahaman dan pemahaman pembaca. Menurut Buzan (2003), manusia mudah mengingat sesuatu hal itu jika ia berbentuk gambar atau tulisan yang ringkas. Hal ini menunjukkan bahawa pemahaman manusia bukan sahaja melalui pembacaan ayat yang berstruktur panjang malah berbentuk gambar atau ringkasan juga mampu meningkatkan daya fahaman seterusnya menaikkan semangat

untuk membaca. Menurut Mansor (2016), penulis yang berjaya ialah penulis yang mampu mengubah pembaca dan masyarakatnya kearah mencintai ilmu, mencintai keindahan dan kedamaian. Justeru, biarlah hasil karya yang dihasilkan mampu memberi manfaat, pengajaran terhadap nilai sastra itu sendiri iaitu yang sesuatu karya yang indah.

Kaedah Kajian

Untuk mencapai objektif dalam dalam kajian ini, 14 orang informan iaitu golongan yang dewasa, remaja, guru, dan penyunting majalah telah ditemubual. Senarai informan untuk kajian ini adalah seperti di bawah:

Jadual 1: Senarai Informan Kajian

SENARAI INFORMAN	CIRI-CIRI INFORMAN
Informan 1	Dewasa
Informan 2	Dewasa
Informan 3	Dewasa
Informan 4	Remaja
Informan 5	Remaja
Informan 6	Remaja
Informan 7	Remaja
Informan 8	Dewasa
Informan 9	Dewasa
Informan 10	Remaja
Informan 11	Remaja
Informan 12	Guru
Informan 13	Guru
Informan 14	Guru & Penulis

Data telah ditranskrip secara verbatim melalui kaedah temubual dengan editor, guru, dan remaja untuk mendapatkan maklumat bagi kedua-dua objektif ini. Selepas mendapat maklumat secukupnya, pengkaji telah menganalisis dan menyusun setiap informasi informan mengikut senarai soalan yang diajukan.

Hasil Kajian

Persepsi Khalayak terhadap Pengurangan Ruang Sastera dalam Media Cetak

Sastera dikategorikan sebagai salah satu medium yang membosankan dan sastera juga merupakan bahan bacaan yang mempunyai gaya bahasa yang tinggi menyebabkan sesetengah individu merasakan ia amat sukar difahami dan membosankan. Kelemahan dalam menguasai bahasa juga adalah faktor mengapa sastera kurang dicetak dan diminati oleh rakyat Malaysia. Sebagaimana yang dijelaskan oleh informan 11, sesetengah orang itu memang menganggap sastera ini bosan kerana penggunaan gaya bahasa yang tinggi dan penggunaan hikayat-hikayat amat memerlukan pembacaan yang berulang-ulang bagi memahami struktur ayat tersebut.

Informan 7 juga menyatakan perkara yang sama iaitu sesetengah individu itu malas untuk membaca bahan yang berunsurkan sastera kerana perlu membaca dengan banyak terutama ketika peperiksaan. Selain itu, informan 9 menyatakan calculation lebih menarik berbanding sastera kerana bahan sastera perlu membaca dengan lebih kerap. Seterusnya, buku online atau e-book juga mempengaruhi percetakan bahan sastera. Hal ini demikian kerana, buku online atau e-book mudah didapati dengan hanya menggunakan jari seiring dengan slogan “dunia di hujung jari”. Zaman moden mengubah gaya pembacaan rakyat pada masa kini.

Dahulu, buku adalah medium utama untuk menggali apa sahaja jenis ilmu tetapi teknologi siber lebih mendahului dunia percetakan. Menurut informan 8, untuk mencari bahan bacaan kita hanya perlu menggunakan peranti elektronik iaitu telefon bimbit. Manakala informan 14 berpendapat telefon bimbit ini adalah salah satu punca mengapa bahan bercetak sudah mula berkurangan dan pada masa kini juga televisyen sudah menjadi nombor dua berbanding dengan zaman dahulu yang lebih banyak menggunakan akhbar untuk mencari maklumat. Selain itu, komik dan novel percintaan ini juga antara salah satu faktor mengapa sastera sudah mula berkurang.

Hal ini disebabkan oleh peminat-peminat karya penulisan sastra ini sudah mula hilang sedikit demi sedikit. Generasi baharu pada masa kini lebih meminati bahan bacaan fiksi kerana lebih menarik kerana mempunyai figura atau gambar yang menarik perhatian mereka.

Menurut informan 10, komik lebih mendapat sambutan kerana mempunyai gambar dan mudah difahami berbanding dengan novel atau karya sastra kerana terlalu panjang untuk dihabiskan. Buku yang bertulis tanpa gambar atau visual menjadikan emosi seseorang itu terganggu, mudah bosan dan memerlukan pemahaman yang lebih tinggi untuk memahami struktur ayat serta sukar untuk berimajinasi. Ada kajian mendapati remaja terutamanya tidak suka membaca yang akan menyebabkan golongan remaja lemah menguasai tatabahasa dan kosa kata untuk diaplikasikan dalam rutin harian mereka. Menurut informan 11, remaja pada masa kini kurang berminat terhadap bacaan sastra dan juga lemah dari segi penggunaan bahasa. Kelemahan berbahasa yang ada pada sesetengah remaja menyebabkan mereka sukar untuk memahami apatah lagi membaca bahan bacaan bercorak sastra.

Informan 14 pula berkata, akibat malas membaca, sesetengah remaja mempunyai bahasa yang teruk dan sukar untuk menulis karangan apatah lagi membaca sastra. Menurut informan 12, disebabkan remaja pada zaman kini kurang mahir dalam berbahasa Melayu dan bahasa Inggeris menyebabkan mereka malas membaca. Oleh itu, penguasaan terhadap bahasa Melayu terutamanya dalam bahasa yang mengandungi unsur-unsur sastra tidak dapat dikuasai dan seterusnya sastra akan dipinggirkan oleh kalangan remaja, hal ini merupakan salah satu punca mengapa karya sastra kurang dicetak. Hasil temubual juga mendapati bahawa penulis pada masa kini kurang berkualiti juga menjadi punca kurangnya karya sastra diterbitkan. Informan 14 berkata, antara faktor karya sastra kurang diterbitkan oleh penerbit adalah disebabkan oleh penulis itu sendiri, iaitu mereka menulis terlalu meleret dan tidak ada isi dalam penulisannya. Di samping itu, informan 14 juga berkata terdapat persaingan antara iklan yang menyebabkan kurangnya sastra diterbitkan pada masa kini.

Motivasi dan Kaedah untuk Membaca Karya Sastera

Menurut informan 2, langkah-langkah untuk menarik minat membaca perlu bermula daripada ibu bapa, dengan kata lain penjaga. Ibu bapa perlu menerapkan budaya membaca di rumah dan tidak boleh mengharapkan kepada pihak sekolah sepenuhnya kerana anak-anak banyak menghabiskan masa di rumah. Informan 3 juga mengatakan perkara yang sama mengenai tanggungjawab ibu bapa dalam melahirkan minat membaca dalam diri anak-anak.

Menurut informan 11, untuk menaikkan lagi semangat membaca, ibu bapa haruslah membeli buku yang bermanfaat untuk anak-anak dan menyediakan juga satu sudut untuk mereka membaca. Manakala informan 14 berkata, anak-anak tidak mahu membaca buku kerana tiada galakan daripada ibu dan bapa. Untuk melahirkan sikap membaca dalam diri anak-anak, ibu bapa boleh membawa anak-anak ke kedai buku. Dengan adanya inisiatif itu, secara automatik akan melahirkan perasaan untuk membaca. Ini jelas dapat dilihat bahawa ibu bapa merupakan platform yang utama dalam mendidik atau menanam sikap untuk membaca dalam jiwa anak-anak. Seterusnya, untuk memupuk semangat membaca disebabkan oleh kaedah penyampaian yang kreatif.

Menurut informan 1, penggunaan bahan bacaan yang bergambar atau visual memudahkan anak-anak untuk membaca dan memahami struktur ayat yang dibaca manakala informan 4 berkata, perlu memastikan kaedah apa yang paling digemari oleh pembaca, sebagai contoh, jika pembaca itu suka berteka teki atau bercerita, bolehlah melakonkan kembali watak yang terdapat dalam bahan bacaan tersebut, hal ini akan menarik lagi perhatian untuk lebih membaca buku. Berdasarkan kedua-dua informan ini, jelaslah bahawa mempelbagaikan kaedah penyampaian mampu menarik minat individu untuk membaca bahan yang bercetak. Langkah yang seterusnya ialah peranan daripada pihak sekolah. Selepas ibu bapa, pihak sekolah atau pendidik merupakan salah satu usaha untuk menaikkan minat membaca dalam kalangan remaja. Menurut informan 9, untuk tanam sikap membaca haruslah bermula daripada sekolah rendah kerana mereka masih kecil dan terikat akan peraturan, jika asuhan membaca bermula sekolah menengah, tidak mustahil mereka akan mula meninggalkan dunia pembacaan kerana mereka tidak mempunyai asas dari awal untuk membaca buku.

Informan 5 berkata, pihak sekolah juga harus aktif dalam mencari strategi untuk menanam sikap membaca seperti mengadakan pertandingan dan pementasan. Informan 11 pula, sekolah mungkin boleh mengadakan kempen “5 minit membaca” sebelum memulakan perhimpunan. Manakala menurut informan 14 pula, jika pembelajaran dan pengajaran di United Kingdom mereka didedahkan dengan karya sastra bermula pada peringkat sekolah rendah lagi dan apabila masuk ke alam sekolah menengah mereka didedahkan pula dengan sastra dunia.

Hal ini juga disokong oleh informan 14, iaitu sastra Eropah telah didedahkan sejak bangku sekolah rendah lagi, jika dibandingkan dengan pembelajaran di Malaysia ia sepatutnya memperkenalkan sejarah Melayu pada peringkat sekolah rendah lagi. Selain itu, pendidik atau guru perlulah kreatif dalam menyampaikan pembelajaran dan pengajaran. Informan 9 berkata, jika guru-guru masih menggunakan kaedah yang lama, pasti para pelajar akan merasa bosan dan malas untuk membaca apatah lagi untuk mendalami dunia sastra. Hal ini demikian kerana, jika tenaga pengajar masih menggunakan kaedah yang sama dalam menyampaikan bahan bercorak sastra, sudah pasti perasaan pelajar akan berubah menjadi bosan. Contohnya, guru hanya membuka dan membaca buku tanpa melakukan sebarang aktiviti. Informan menyarankan guru-guru untuk cuba menjiwai setiap watak yang berkaitan dengan bahan sastra yang diajar. Mereka perlu bersajak di hadapan pelajar ketika mengajar sesebuah puisi. Jika bersyair, mereka dicadangkan untuk mengalunkan suara supaya pelajar tertarik dan tekun dalam proses pembelajaran dan pengajaran mereka. Jelaslah bahawa kesemua informan ini bersetuju bahawa pihak sekolah adalah salah satu institusi yang wajib untuk melahirkan sikap membaca dalam kalangan remaja.

Oleh yang demikian, didapati bahawa, tugas pendidik bukan sahaja mengajar tetapi mempunyai tanggungjawab dalam membentuk jati diri. Sehubungan dengan itu, informan 14 berkata, pembinaan perpustakaan mini di rumah dapat menarik minat membaca kerana mempunyai ruangan yang tersendiri. Di samping itu juga, dapat menjimatkan masa dan dapat meluangkan masa bersama-sama serta dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain. Seterusnya, membaca bukan sahaja menambah pengetahuan malah mampu melahirkan perilaku yang baik

kerana membaca merupakan salah satu kaedah untuk menambahkan pengetahuan serta menggali segala ilmu. Menurut informan 3, apabila seseorang itu banyak membaca, ia akan menambahkan ilmu pengetahuan dan akan membentuk perilaku yang baik kerana mereka mempunyai tatabahasa dan ilmu yang tinggi hasil pembacaan mereka.

Menurut informan 6, pihak yang berwajib juga perlu mengambil perhatian untuk meningkatkan semangat membaca sastera. Selain ibu bapa dan pihak sekolah, apa sahaja unit atau badan-badan yang mampu komersilkan sastera perlulah mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan kembali minat untuk membaca bahan bercorak sastera. Mungkin pihak yang tinggi akademiknya seperti golongan berkelulusan doktor falsafah dalam bidang sastera boleh mengadakan kempen untuk membaca karya sastera. Menurut informan 5, membaca bukan sahaja dapat menambahkan ilmu malah mampu mengetahui sama ada sumber itu betul atau tidak berbanding dengan maklumat daripada internet. Kenyataan ini juga disokong oleh informan 9, iaitu untuk mendapatkan maklumat yang sahih perlu merujuk kepada buku berbanding dengan internet kerana pembaca itu sendiri tidak mengetahui dan yakin sama ada penulis internet menyatakan atau memberi hasil sumber yang sah atau tidak.

Informan 4 pula berkata, maklumat buku lebih sahih kerana mempunyai penulis yang sah berbanding dengan maklumat daripada internet, manakala informan 6 juga menyokong tabiat membaca buku ini. Hal ini demikian kerana buku yang ada di pasaran itu sudah diterbitkan dan sudah tentu mempunyai maklumat yang sahih. Informan 11 pula berkata, dia lebih percaya kepada bahan bercetak berbanding internet kerana maklumat internet boleh ditokok tambah. Informan 13 menggunakan kedua-dua sumber sama ada internet atau melalui bahan bercetak.

Rumusan dan Kesimpulan

Hasil kajian ini mendapati terdapat beberapa faktor yang menjadi punca kurangnya pengurangan ruangan sastera dalam media cetak seperti akhbar dan beberapa faktor yang merangkumi peranan untuk memotivasikan pembaca untuk membaca ruangan sastera dalam media

cetak. Berdasarkan kajian yang dilakukan secara temu bual, kajian ini mendapati faktor-faktor yang menyebabkan kurangnya ruangan sastra dalam media cetak adalah disebabkan oleh sifat atau perilaku individu itu sendiri. Ada juga disebabkan oleh perubahan media yang digunakan pada masa kini. Selain itu, ada juga yang tidak menyukai ruangan sastra akibat penggunaan bahasa yang terlalu tinggi dan penggunaan ayat yang terlalu tersurat dan tersirat.

Hal ini menyebabkan ruangan sastra semakin berkurangan sedangkan ianya masih relevan dalam media cetak. Ruangan sastra tidaklah besar seperti yang diberi kepada ruangan yang lain, seperti sukan dan hiburan. Berdasarkan maklumat daripada pembacaan pengkaji, hal ini juga terjadi akibat berlakunya konflik antara penulis dan editor. Penulis menghantar karya secara semborono, maka melalui faktor ini juga menyebabkan ruangan sastra itu tidak meluas. Penerbitan buku-buku atau novel indie juga mempengaruhi pengurangan ruangan sastra dalam media cetak. Unsur percintaan atau drama antara dua darjat lebih menarik perhatian pembaca pada masa kini, maka karya sastra yang berkualiti dipinggirkan.

Penggunaan bahasa Melayu tinggi juga menjadi cabaran bagi individu yang mempunyai masalah untuk memahami lenggok bahasa sastra secara jelas, maka mereka akan mula mengundurkan diri daripada terus terjebak atau terlibat dalam mana-mana aktiviti yang berkaitan dengan sastra. Hal ini demikian kerana, susahnyanya mereka untuk mengadaptasi bahasa yang berbunga-bunga dalam kehidupan mereka maka mereka memilih kemahiran berfikir berbanding dengan membaca bahasa yang sukar ditafsir oleh otak mereka. Dapatan kajian mendapati, untuk membaca ruangan sastra dalam media cetak perlulah bermula dari keluarga terutamanya ibu dan bapa, sebagaimana yang kita tahu, ibu bapa merupakan ikon kepada anak-anak, dan ibu bapa jugalah yang mencorakkan mereka. Budaya membaca seharusnya dipupuk oleh ibu bapa sejak kecil lagi kerana membaca bukan sahaja melahirkan modal insan yang berjaya malah akan menambah pengetahuan mereka tentang keadaan sekeliling. Dapatan kajian juga mendapati untuk memotivasikan individu itu membaca adalah menggunakan kaedah yang kreatif dalam menyampaikan makalah kepada anak-anak kecil terutamanya.

Selain itu juga, penggunaan bahan media cetak yang mudah difahami seperti peta minda, ilustrasi, figura atau bahan-bahan menarik perhatian juga merupakan salah satu cara untuk menaikkan semangat membaca. Peranan guru dalam memastikan anak didik meminati untuk membaca buku adalah salah satu tanggungjawab yang perlu dititikberatkan. Hal ini demikian kerana, pelajar yang kurang membaca tidak akan mempunyai tatabahasa yang tinggi, kurang membaca juga akan melemahkan pelajar itu dalam membina ayat. Dapatan kajian juga mendapati bahawa untuk menaikkan atau memotivasikan seseorang itu membaca sastera adalah melalui kaedah atau pendekatan warga pendidik dalam menyampaikan risalah-risalah tradisional. Mereka haruslah lebih kreatif dalam hal ini untuk menarik minat terhadap sastera.

Hal ini demikian kerana, jika pendidik masih menggunakan kaedah yang lama dengan hanya membaca puisi, sajak atau pantun dengan cara bersahaja akan menjadikan pelajar bosan dan tidak minat untuk membaca. Warga pendidik seharusnya mencari jalan untuk menarik minat mereka kepada sastera. Mungkin guru juga boleh menggayakan teknik penyampaian mengikut jenis karya sastera yang dipilih. Justeru, secara tidak langsung para pelajar akan mampu memahami dengan jelas apa yang dimaksudkan dalam setiap ayat dalam sesebuah karya sastera itu.

Antara faktor lain dalam memotivasikan pembaca untuk membaca sastera dalam media cetak ialah kerana ianya membentuk perilaku insan yang baik. Struktur ayat yang sopan, halus, mempunyai makna yang tersurat dan tersirat sejujurnya mampu melahirkan sikap yang positif kepada individu. Percakapan yang penuh hikmah dan sopan tuturnya menunjukkan sikap masyarakat yang berbudi. Bukan itu sahaja, sastera juga mempengaruhi perilaku atau perwatakan seseorang itu agar menjadi lebih sopan. Sesungguhnya, penggunaan bahasa sastera yang sering dianggap berbunga-bunga itu bukan sesuatu yang sia-sia malah ia memberi kesan yang positif kepada pembacanya. Selain itu juga, media cetak merupakan antara maklumat dan sumber yang boleh dipercayai untuk menambah ilmu pengetahuan. Perubahan era pada masa kini serba sedikit memudahkan urusan mencari dan menggali ilmu tetapi tahap kesahihan fakta sesuatu ilmu itu goyah kerana sesiapa sahaja boleh meniplak atau meniru karya orang lain.

Dengan kata lain keaslian ilmu itu tidak dapat disahihkan dengan jelas. Sastra juga boleh seiring dengan teknologi tetapi pemantauan terhadap karya-karya atau ilmu yang lain haruslah diperketat dan dikawal agar ketulenan ilmu itu tidak terjejas. Berdasarkan kajian, ramai yang lebih gemar menggunakan buku berbanding peranti elektronik kerana buku mempunyai aura dan kuasanya tersendiri. Hasil temu bual mendapati untuk memotivasi pembaca untuk membaca sastra dalam media cetak adalah menghasilkan perpustakaan mini di rumah. Pendekatan begini akan menimbulkan minat untuk membaca kerana ruangan membaca persendirian wujud dalam persekitaran rumah. Perpustakaan mini seharusnya wujud dalam setiap rumah untuk memberi pengenalan kepada anak-anak bahawa membaca adalah suatu perilaku yang baik dan membaca juga mampu memberikan ilmu bukan sahaja untuk diri sendiri, malah juga dapat dikongsi pada orang lain. Bagi menaikkan semangat membaca, pembaca disaran membeli karya hasil penulisan para penulis yang diminati. Kefahaman terhadap sesuatu teks terutamanya sastra memerlukan perhatian dan fokus yang mendalam supaya setiap bait-bait yang dinukilkan dalam setiap karya mampu difahami dengan jelas.

Penghayatan dalam pembacaan ruangan sastra memerlukan semangat yang tinggi agar pembaca tidak bosan. Bagi anak-anak kecil, ibu bapa atau pendidik perlu menyediakan buku-buku cerita rakyat seperti kisah sang kancil, sang buaya dan sebagainya yang telah divariasikan teks kepada ilustrasi supaya anak-anak kecil lebih suka dan berminat untuk membaca dapat dipupuk sejak dari kecil lagi.

Tanggapan orang terhadap sastra pada masa kini sudah berubah. Sayangnya, hanya segelintir masyarakat sahaja yang meminati sastra. Oleh hal yang demikian, kita sebagai ahli masyarakat yang berwawasan haruslah cuba untuk meniup kembali roh sastra pada jiwa ahli masyarakat terutamanya yang berpendidikan. Hal ini demikian kerana, sastra adalah salah satu tonggak yang menunjukkan sesuatu bangsa itu mempunyai identiti dan jati diri yang tersendiri, terutamanya dari segi percakapan atau pertuturan. Secara tuntasnya, karya sastra seharusnya dipelihara dan minat membaca perlu disematkan dalam jiwa masyarakat terutamanya kerana karya sastra bukan sekadar menjadi identiti bangsa, malah karya sastra juga menjadi medan penggunaan bahasa yang indah.

Rujukan

- Abas, L. (1995). *Kritikan karya sastera sebagai karya seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adams., G. R., & Schvaneveldt, J. D., (1985). *Understanding research methods*. New York: Longman.
- Ahmad, N. (2017, 21 April). Kadar literasi rakyat Malaysia masih pada tahap 55 peratus - KP Perpustakaan Negara. *Bername Online*. Dipetik daripada <https://www.pnm.gov.my/pnm/>
- Ahmad, S. (1994). *Sastera: pengalaman, ilmu, imaginasi dan kitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakar, A. (2010, Mac 26). Sastera tempatan terpinggir? *Utusan Online*. Dipetik daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0326&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_01.htm
- Bachri, S. C. (1983). *Beberapa penyakit dalam cerpen Indonesia dalam Pamusuk 1983*. Jakarta: Gramedia.
- Baharom, N., Peny. (2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Buzan, T., & Buzan, B. (2003). *The mind map book*. Rev Ed. London. BBC.
- Endun, R. (2008, April 20). Konflik editor dengan penulis. *Utusan Online*. Dipetik daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0420&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_01.htm
- Estem, M. (1988). *Menjelang teori dan kritik susastera yang relevan*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Fielding, N., & Schreier. (2001, Februari). Introduction: On the compatibility between qualitative and quantitative research methods. *Forum for Qualitative Social Research*, 2(1). Dipetik daripada <http://www.qualitative-research.net/index.php/fqs/article/view/965/2106#g1>
- Haris, A. J., & Sipay, E. R. (1982). *How to increase reading ability*. New York: Longman Inc.

- Harun Mat Piah et al. (2006). *Kesusasteraan Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hussein, I. (1986). *Sastera dan agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ibrahim, M. (2009). *Konteks sastera budaya Melayu*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn.Bhd.
- Ibrahim, S. M. (2018). *Bangsa membaca bangsa berjaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, A. (2007, November 1). Sastera Malaysia semakin dipinggirkan? *Utusan Online*. Dipetik daripada http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1101&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_01.htm
- Hamzah, I. (2018, Mei 23). Reformasi segera industri buku Malaysia. *Berita Harian Online*. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2018/05/429376/reformasi-segera-industri-buku-malaysia>
- Imuda, R. (2017, 6 Mei). Budaya membaca: Buku ilmiah terlalu 'seram'. *Free Malaysia Today*. Dipetik daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2017/05/06/budaya-membaca-buku-ilmiah-terlalu-seram/>
- Kadar literasi rakyat Malaysia hampir 95 peratus - Perpustakaan Negara. (9 Mei 2017). *Bernama*. Diakses dari <http://www.astroawani.com>
- Kenedy, E. (1981). *Methods in teaching development reading*. Illinois: F.E. Peacock Publisher. INC.
- Mansor, A. (2018). *Amalan membaca buku semakin dilupakan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor, A. (2016, Julai 31). Membaca memilih karya indah dan bermanfaat. *Utusan Online*. Dipetik daripada <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/membaca-memilih-karya-indah-dan-bermanfaat-1.364444>
- Mansor, A. (2016, Mei 15). Memperkasa bahasa sastra dan budaya. *Utusan Online*. Dipetik daripada <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/memperkasa-bahasa-8232-sastera-dan-budaya-1.326309>

- Mansor, S. (2015, September 23). Suka membeli, malas membaca. *Harian Metro Online*. Dipetik daripada <https://www.hmetro.com.my/node/79536>
- Marzuki, A. (2007). *Komunikasi asas kemahiran membaca & menulis*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Naffi Mat. (2006). *Teknik mengajar KOMSAS komponen sastera*. Selangor: PTS Professional.
- Othman, Y. (2008). *Proses & strategi membaca berkesan*. Selangor: Penerbit Universiti Malaya.
- Ormrod, J. E. (1995). *Human learning*. London: Prentice-Hall.
- Pearson, P. D., & Johnson, D. D. (1978). *Teaching reading comprehension*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Rahman, M. N. A. (2018, 6 April). Desakan ekonomi hakis waktu. *Harian Metro*. Dipetik daripada <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/04/33/1034/desakan-ekonomi-hakis-waktu-membaca>
- Ridhwan. A. (2014, Oktober 27). Bahasa, sastera, dunia cetak dan budaya membaca. *Utusan Online*. Dipetik daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/bahasa-sastera-dunia-cetak-dan-budaya-membaca-1.17042>
- Saad, N. (2016, Disember 25). Sastera tidak lagi mendapat tempat di hati remaja? *Utusan Online*. Dipetik daripada <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/sastera-tidak-lagi-mendapat-tempat-di-hati-remaja-1.424224>
- Saad, N. (2018, Ogos 19). Sastera jadi bahan ketawa? *Utusan Online*. Dipetik daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/sastera-jadi-bahan-ketawa-1.732109>
- Sahabudin, M. (2016, Jun 12). Sastera bukan tempelan. *Sinar Online*. Dipetik daripada <http://www.sinarharian.com.my/rencana/sastera-bukan-tempelan-1.531450>
- Said, A.M. (1998). *Budaya membaca*. Dipetik daripada <http://www2.moe.gov.my/~bpg/jendela8.htm>.
- Saludin, M. R. (2009). *Teromba: Hubungan dengan pendidikan kesusasteraan*. Shah Alam: Karisma Publication.

- Siti Nur Zawani Miscon (2019, 11 September). Sasterawan negara harap sedia kolum dalam akhbar dan cintai sastra. *Malaysiadateline.com*. Diambil dari <https://malaysiadateline.com/sasterawan-negara-harap-sedia-kolum-dalam-akhbar-dan-cintai-sastra/>
- Suminto. (1994). *Pengantar pengajaran puisi*. Jakarta: Pustaka Pelajar.
- Syah, M. (2001). *Psikologi pendidikan dengan pendekatan baru*. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Utusan Online. (2016, Ogos 19). *Sastra wahana penting bina negara bangsa*. Utusan.com. Dipetik daripada <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastra/sastra-wahana-penting-bina-negara-bangsa-1.372326>
- Yusoff, M. (1999). *Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman*. Selangor: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Zahid, M. L. (2018). *Buku gedung ilmu, pembacaan kunci utamanya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal, N. (2017, 20 Ogos). Industri sastra semakin lenyap? *Sinar Online*. Dipetik daripada <http://www.sinarharian.com.my/rencana/industri-sastra-semakin-lenyap-ruhie-isma-1.721587>